



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	2/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	KeTSA			



### Solarvest majukan projek RM175 juta di Chuping

**BH, 2 Sept 2021\_37**

**Solarvest Holdings Bhd** (Solarvest) memperoleh satu lagi projek solar berskala besar (LSS) bernilai RM175 juta di bawah program LSS@Mentari.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, kontrak berkenaan diperoleh daripada Classic Solar Farm Sdn Bhd bagi pembangunan loji LSS di Chuping, Perlis.

Kumpulan berkenaan akan melaksanakan kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) bagi ladang solar 50 megawatt (MW).

Projek terbaru itu antara lain termasuk kontrak EPCC Solarvest yang diperoleh daripada program the LSS@Mentari meningkat kepada kira-kira RM371 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Solarvest, Davis Chong Chun Shiong, berkata projek terbarunya itu dijangka menjadi loji solar terbesar di Perlis dengan janaan tenaga bersihnya akan mengimbangi sekitar 78,450 tan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) setahun selepas beroperasi.

"Kami gembira diberi kepercayaan membina satu lagi projek mercu tanda dan membantu meneroka tenaga bersih dari wilayah utara.

"Dengan kejayaan projek ini, kontrak belum dibil kami meningkat kepada RM583 juta, berkemungkinan menjadi antara kontrak solar EPCC terbesar di Malaysia hari ini.

"Ini akan menjadi tahun yang sibuk untuk Solarvest ketika kami terus meningkatkan penguasaan pasaran di semua segmen pasaran utama kami.

"Solarvest secara kolektif menawar projek bernilai kira-kira 1,000MWp di seluruh kawasan operasi kami di Malaysia, Taiwan dan Filipina kami," katanya.

Selaras dengan pelan pertumbuhan syarikat, Chun Shiong berkata, Solarvest sedang meningkatkan jumlah tenaga kerja untuk memenuhi permintaan yang semakin melonjak.

"Pada masa yang mencabar ini, Solarvest terus mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi sumbangan positif kepada ekonomi tempatan.

"Ia semakin mengukuhkan keyakinan kita bahawa tenaga boleh diperbaharui akan terus memainkan peranan penting dalam mendorong pemulihan ekonomi di Malaysia," katanya.

